



NOVEMBER

BULAN Zis HE MA 2025

1 NOVEMBER 2025 | JOHOR

Lawatan kerja Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor ke Pelabuhan Pasir Gudang bagi meninjau proses kemasukan lembu import dari Australia



2 NOVEMBER 2025 | KEDAH

Pameran Sempena Hari Perikanan 2025 Peringkat Negeri Kedah





3 NOVEMBER 2025 I KEDAH

Program Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Sektor Awam

3 NOVEMBER 2025 I PERAK

Kunjungan Hormat Pengarah MAQIS Negeri Perak ke Jabatan Perikanan Negeri Perak



6 NOVEMBER 2025 I KEDAH

Majlis Penyerahan Motosikal kepada MAQIS Negeri Kedah

6 NOVEMBER 2025 | PUTRAJAYA

Kunjungan Hormat Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) ke Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)



12 NOVEMBER 2025 | JOHOR

Mesyuarat Jawatankuasa Fasilitasi Perdagangan MAQIS Negeri Johor Bil. 2/2025





11 NOVEMBER 2025 | KELANTAN

Kunjungan Hormat Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Kelantan ke Pejabat Ketua Polis Negeri Kelantan



20 NOVEMBER 2025 | MELAKA

Program Saringan Kesihatan Percuma yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Negeri Melaka.



KENYATAAN MEDIA PENAFIAN PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN DAN VAKSINASI OLEH MAQIS

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ingin menegaskan bahawa MAQIS tidak pernah mengeluarkan sebarang sijil kesihatan atau sijil vaksinasi bagi haiwan, produk haiwan atau apa-apa bahan hasilan haiwan.

MAQIS telah menerima aduan berkaitan dokumen yang kononnya dikeluarkan oleh MAQIS bagi tujuan kesihatan veterinar atau pengesahan vaksinasi. MAQIS menafikan sepenuhnya penglibatan dalam pengeluaran dokumen tersebut.

Untuk makluman, fungsi MAQIS adalah melaksanakan penguatkuasaan kuarantin, pemeriksaan dan pengeluaran permit import/eksport berdasarkan undang-undang sedia ada. Sijil kesihatan veterinar (Veterinary Health Certificate, VHC) dan sijil vaksinasi adalah di bawah bidang kuasa agensi veterinar yang berkaitan, bukan MAQIS.

MAQIS memandang serius sebarang penyalahgunaan nama dan logo jabatan bagi tujuan mengelirukan orang awam. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang mengeluarkan atau menggunakan dokumen palsu yang membawa nama MAQIS.

Orang ramai yang menerima atau mengesyaki kewujudan dokumen meragukan yang menggunakan nama MAQIS boleh menyalurkan aduan melalui talian 03-8870 8000 atau emel di feedback@maqis.gov.my untuk mendapatkan pengesahan.

MAQIS sentiasa komited dalam memastikan integriti serta ketelusan perkhidmatan dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penipuan seperti ini.

—TAMAT—

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
19 NOVEMBER 2025



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

SIJIL KESIHATAN DAN VAKSINASI (Penguatkuasaan Berintegriti)

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan ini mengesahkan bahawa :

NAMA :
ALAMAT :
HAIWAN : KAMBING
BILANGAN : 10 EKOR

Telah memenuhi syarat-syarat bagi pensijilan Maqis Malaysia

Sehubungan perkara di atas, maka dari itu Maqis Malaysia membuat Kawala Bioskuriti, Satu langkah penting untuk melindungi Haiwan tempatan, sebagai langkah pertama dalam memastikan keselamatan. Kawala Bioskuriti ini adalah untuk melindungi Haiwan yang masuk dalam kawasan bioskuriti dari ancaman penyakit berbahaya seperti Rabies, Lelesem Burung dan Virus lain yang boleh merebak dengan cepat jika tidak kawal. Haiwan yang tidak diperiksa dengan betul boleh membawa penyakit berbahaya dan mampu merosakkan populasi haiwan.

Maka dari itu Tuan/Puan mesti hantar Yuran Sementara pengesahan Sijil Kesihatan dan Vaksinasi :

Sijil Vaksinasi : RM1,250
Sijil Kesihatan : RM1,500

JUMLAH : RM2,750

Selay Hormat
TUAN SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

PEMAKLUMAN

MAQIS MENAFIKAN SEKERAS-KERASNYA PENGELUARAN SEBARANG SIJIL KESIHATAN VETERINAR ATAU SIJIL VAKSINASI MENGGUNAKAN NAMA JABATAN INI. SEMUA DOKUMEN SEDEMIKIAN ADALAH TIDAK SAH DAN BUKAN DIKELUARKAN OLEH MAQIS.

10 NOVEMBER 2025 | PULAU PINANG

Jemputan Latihan Pengukuhan Kompetensi dalam Kawalan Penyakit Haiwan Ruminan

Empat orang pegawai MAQIS Negeri Pulau Pinang telah menyertai Latihan Pengukuhan Kompetensi dalam Kawalan Penyakit Haiwan Ruminan, anjuran Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.





22 NOVEMBER 2025 | SELANGOR

Liga Piala Pengarah MAQIS Negeri Selangor Siri 2
(E-Sport dan Sukan Indoor)

8 NOVEMBER 2025 | KEDAH

Program Pengukuhan Jati Diri – Mendaki Bukit Malau



23-25 NOVEMBER 2025 | KEDAH

Program Pengukuhan Kompetensi dan Pemantauan Kerja Berkumpulan Pasukan Penguatkuasaan Agromakanan di KPKM Peringkat Negeri Kedah



24 NOVEMBER 2025 | PUTRAJAYA



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fasilitasi Perdagangan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bersama Pihak Industri di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Bilangan 2 Tahun 2025



21 NOVEMBER 2025 | PAHANG

Lawatan Kerja Ketua Pengarah MAQIS ke Tapak Stesen Kuarantin Cherating dan Tapak Tanah MARDI Cherating



Ketua Pengarah MAQIS telah mengadakan lawatan tapak bagi meninjau keadaan Stesen Kuarantin Cherating serta tapak tanah MARDI Cherating. Lawatan tersebut turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan, Puan Zeti Hafiza binti Zakaria; Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Encik Yasser Arafat bin Zainal Rashid; serta Pengarah MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu, Encik Jaeh bin Saliman.





11 NOVEMBER 2025 | SELANGOR

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fasilitasi Perdagangan (JKTFP) MAQIS Negeri Selangor bersama Pihak Industri, Bil. 2 Tahun 2025

29 - 30 NOVEMBER 2025 | JOHOR

Lawatan Kerja Ketua Pengarah MAQIS ke Negeri Johor



Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, telah menjalankan siri lawatan kerja ke Negeri Johor bagi meninjau operasi di pintu masuk utama negeri tersebut dan melihat secara lebih dekat pelaksanaan penguatkuasaan kawal selia agromakanan di lapangan.



Dalam tinjauan tersebut, beliau turut meninjau premis kuarantin swasta dan menerima taklimat mengenai cabaran semasa serta keperluan.



NOVEMBER

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR

MOHAMMAD FADZLI BIN MOHD NAIM

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS

EDITOR

MOHAMAD HANIF BIN MOHD YASIN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS Negeri Selangor